

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
TARIKH : 17 MAC 2016
SOALAN :**

YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan dan status terkini pembinaan hospital di Parlimen Kapar setelah lokasi tanah telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2015 sehingga 29 Februari 2016 dan bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan klinik kesihatan lama di bawah RP3, RMK-10. Apakah perkembangan secara terperinci yang telah berlaku dalam tempoh masa 1 Januari 2015 sehingga 29 Februari 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tapak yang dikenal pasti bagi pembinaan Hospital Kapar merupakan tanah milik Sime Darby Sdn Bhd. Tapak tersebut adalah perlu diserahkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri Selangor sebelum Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat pohon pemberimilikan tapak tersebut. Sehingga kini Sime Darby belum menyerahkan tapak cadangan projek Hospital Kapar sepertimana pada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil. 5/2014 bertarikh 10 November 2014.

KKM perlu mempunyai kelulusan pemberimilikan tapak projek kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan terlebih dahulu sebelum projek tersebut dapat dipohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

- b) Projek Naiktaraf Klinik Kesihatan Kapar telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM di bawah Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-10 dengan kos projek sebanyak RM 20 juta.

Merujuk pada Mesyuarat Penyelarasan Bil. 4/2015 telah menetapkan tarikh iklan tender projek adalah pada Mei 2016.